

JABATAN BENDAHARI

Ruj. Kami : UPSI/BEN/B/597(03)
Tarikh : 1 OGOS 2023
14 MUHARRAM 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL.3/2023 - PERUBAHAN HAD NILAI PEROLEHAN KERJA SECARA "REQUISITION", SEBUT HARGA DAN TENDER

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2023 pada 25 Julai 2023 telah bersetuju untuk meluluskan perubahan had nilai perolehan kerja secara "Requisition", sebut harga dan tender serta pindaan Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI selaras dengan pindaan Perbendaharaan Malaysia PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2022, 2023 dan 2024. Dilampirkan PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2022, 2023 dan 2024 seperti di **Lampiran 1**.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan, pindaan Perbendaharaan Malaysia tersebut melibatkan perkara seperti berikut:-

- 3.1 had nilai perolehan kerja secara "requisition" daripada RM1 hingga RM50 ribu **kepada sehingga RM100 ribu**
- 3.2 had nilai perolehan kerja secara sebut harga daripada melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu **kepada melebihi 50 ribu sehingga RM1 juta.**
- 3.3 had nilai perolehan kerja secara tender daripada nilai melebihi RM800 ribu **kepada melebihi RM1 juta.**

4. Selaras dengan pindaan tersebut, terdapat beberapa perubahan pada Bab 7 - Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja dalam Peraturan Kewangan Dan Perakaunan UPSI (PKPU) seperti di **Lampiran 2**.

5. Bagi memudahkan rujukan semua PTj, dokumen-dokumen berkaitan pengurusan perolehan Universiti telah dikemaskini seperti berikut:-

- i) Peraturan Kewangan & Perakaunan UPSI (Bab 7 - Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja) - **Lampiran 3**
- ii) Prosedur Perolehan (UPSI(ISO)/BEN/P02) - **Lampiran 4**
- iii) Garis Panduan Pengurusan Perolehan (UPSI(ISO)/BEN/P02/GP01)-**Lampiran 5**
- iv) Arahan Kerja Sebutharga Rasmi (UPSI(ISO)/BEN/P02/AK03) - **Lampiran 6**

Sehubungan itu, semua dokumen yang dinyatakan seperti di Perkara 6 di atas boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my>.

6. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa ke atas semua perolehan kerja UPSI daripada tarikh kelulusan Lembaga Pengarah Universiti secara bertempoh **mulai 1 Ogos 2023 sehingga 31 Disember 2024** dan perlu dibaca bersama-sama dengan Perbendaharaan Malaysia PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2022, 2023 dan 2024.

7. Kerjasama semua ketua PTj adalah dipohon untuk memaklumkan penguatkuasaan pekeliling ini kepada semua pegawai di bawah tanggungjawab masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A. (M), ASEAN CPA)
Bendahari

s.k : Yg. Bhg. Dato Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



SENARAI PENGURUSAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pengurusan Tertinggi Universiti

1. YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff
Naib Canselor
2. YBrs. Profesor Dr. Marzita binti Puteh
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. YBrs. Profesor Ts. Dr. Suriani binti Abu Bakar
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. YBrs. Profesor Dr. Norkhalid bin Salimin
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. YBrs. Encik Helmi Zaifura bin Abdul Rahman
Pendaftar
6. YBrs. Puan Salwati binti Mohd Aris
Penasihat Undang-undang
Bahagian Perundangan
7. YBrs. Tuan Haji Mohamad Najib bin Haji Mohamed
Bendahari, Jabatan Bendahari
8. YBrs. Ir. Ts. Haji Zulkefly bin Mohd Yusof
Pengarah, Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda
9. YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril
Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat (BKK)
10. YBrs. Prof. Madya Dr. Azmi bin Mohamed
Pengarah, Jabatan Strategik
11. YBrs. Cik Noriha binti Muhammad
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Tuanku Bainun

Pengarah

23. YBrs. Profesor Dr. Abdul Rahim bin Razalli
Pengarah Akademik dan Antarabangsa
24. YBrs. Prof. Madya Dr. Ashardi bin Abas
Pengarah Pusat Latihan Mengajar dan Industri
25. YBrs. Profesor Dr. Nordin bin Mamat
Pengarah, Pusat Pedagogi, Penyelidikan dan Inovasi (CPRI)
Fakulti Pembangunan Manusia
26. YBrs. Prof. Madya Dr. Normah binti Jusoh
Pengarah Pusat Pembangunan Akademik
27. YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Modi bin Lakulu
Pengarah Bahagian Pengurusan Kualiti
28. YBrs. Dr. Siti Nor Amalina binti Ahmad Tajuddin
Menanggung Tugas Pengarah Pusat Antarabangsa dan Mobiliti (IMC)
29. YBrs. Prof. Madya Dr. Rosmilah binti Misnan
Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
30. YBrs. Prof. Madya Dr. Norazilawati binti Abdullah
Menjalankan Tugas Pengarah Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara
31. YBrs. Dr. Nordiana binti Hamzah
Pengarah Pejabat Karang Mengarang
32. YBrs. Profesor Dr. Tajul Shuhaizam bin Said
Pengarah Institut Peradaban Melayu
33. YBrs. Dr. Kama bin Shaffeei
Pengarah Pusat Inisiatif Pemodenan Pendidikan (PiPP)
34. YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Azlan bin Nafiah
Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)
35. YBrs. Dr. Pau Kee
Pengarah Pusat Kaunseling
36. YBrs. Prof. Madya Dr. Mazuki bin Mohd Yasim
Pengarah Pusat Ko-Kurikulum
37. YBrs. Dr. Sharul Effendy bin Janudin
Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE)

Pengetua

46. YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd. Nizam bin Nasrifan
Pengetua Kolej Ungku Omar
47. YBrs. Prof. Madya Dr. Syed Ismail bin Syed Mohamad
Pengetua Kolej Aminuddin Baki
48. YBrs. Prof. Madya Dr. Che Ghani bin Che Kob
Pengetua Unit Kediaman Luar Kampus
49. YBrs. Dr. Che Anuar bin Che Abdullah
Pengetua Kolej Harun Aminurrashid
50. YBrs. Encik Yusop bin Ahmad
Pengetua Kolej Za'ba
51. YBrs. Dr. Mardiana binti Ismail
Pengetua Kolej Awang Had Salleh